

**SOALAN NO : 54**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]**

**TARIKH : 28 Mac 2018 (Rabu)**

**SOALAN : Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan:-**

**kewajaran Kerajaan terus memberikan monopoli pengimportan beras  
kepada BERNAS.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan melihat model pengimport tunggal beras negara yang diberikan kepada BERNAS masih relevan setakat ini. Dasar ini berfungsi menjaga keselamatan makanan negara dan melindungi kepentingan industri padi dan beras tempatan. Peranan BERNAS selaku pengimport tunggal sentiasa dipantau oleh Kerajaan melalui syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian.